



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 10 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	FRESH PRODUCE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 MAFI USAHA STABILKAN HARGA MAKANAN HAIWAN, SH -ONLINE MINISTRY OF AGRICULTURE TO MEET WITH PRODUCERS TO ENSURE ADEQUATE SUPPLY OF ANIMAL FEED, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 MINISTRY SEEKING SOLUTIONS FOR LIVESTOCK FEED PRICE INCREASE, CORPORATION MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	USAHAWAN PROGRAM AGROPRENEUR MUDA MASIH AKTIF, JANA PENDAPATAN LUMAYAN, NEGERI, SH -26	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
6. 7. 8.	DITUDUH JOLOK ANJING DENGAN BULUH, LOKAL, HM -12 SENIOR CITIZEN CLAIMS TRIAL TO POKING DOG WITH STICK, NEWS, NST -11 OLD MAN CHARGED WITH ANIMAL CRUELTY, NATION, THE STAR -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9.	SASAR TINGKAT PENGELUARAN NANAS, NASIONAL, SH -7	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
10.	MARDI LAUNCHES FOUR FOOD INNOVATION PRODUCTS, THE EDGE MARKET - ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11.	NAFAS MAMPU ATASI MASALAH BEKALAN, HARGA BENOH PADI. HARAKAH DAILY -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
12.	AGRO FARAH-i KHUSUS UNTUK WANITA, BISNES SINAR, SH -30	AGROBANK
13. 14. 15.	NELAYAN ASING CUBA SOGOK POLIS MARIN UNTUK LEPASKAN DIRI, NEGERI, SH -28 NELAYAN RAYU LULUSKAN LESEN, NEGARA, KOSMO -18 NELAYAN SUNGAI DURIAN RAYU LESEN TANGKAP HASIL LAUT, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

10/3/2021

THE SUN

NEWS
WITHOUT
BORDERS

4

FRESH PRODUCE ...

Deputy Minister of Agriculture and Food

Industry II Datuk Che Abdullah Mat Nawi

harvesting okra grown

organically as part of the Urban Garden Project at

the Penang Consumers

Association office yesterday. The

project is under the ministry's

National Economic

Recovery Plan. —

MASRY CHE ANI

THESUN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI usaha stabilkan harga makanan haiwan



Che Abdullah (dua dari kanan) melancarkan jualan happy hour selama satu jam selepas melawat Kilang Pemprosesan Ayam Bismi di Simpang Empat, Alor Setar pada Selasa.

ALOR SETAR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berusaha menstabilkan harga makanan haiwan ternakan di negara ini dengan berbincang bersama pengeluar isi rung kelapa sawit agar bekalan tersebut cukup untuk kegunaan tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, faktor pengeluar yang mempunyai kontrak di luar negara termasuk harga yang lebih baik di sana menyebabkan kenaikan harga makanan haiwan ternakan di negara ini.

Menurutnya, isi rung kelapa sawit merupakan salah satu bahan dalam penghasilan makanan haiwan ternakan dan kenaikan harga bahan itu juga menyebabkan harga makanan haiwan ternakan naik secara tidak langsung.

"Isi rung kelapa sawit memang dihasilkan di dalam negara kita tapi kebanyakannya di eskport ke luar negara kerana pengeluar mempunyai kontrak di sana selain harga ditawarkan lebih baik.

"Justeru, kementerian cuba berbincang dengan pengeluar supaya sebahagian isi rung dapat dikekalkan di dalam negara dan menstabilkan harga bahan makanan haiwan ternakan," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Kilang Pemprosesan Ayam Bismi di Simpang Empat, Alor Setar pada Selasa.

Mengulas lanjut, perbincangan tersebut juga melibatkan beberapa pihak dan agensi lain bagi mengatasi harga makanan haiwan ternakan itu yang kini meningkat sekitar tiga hingga lima peratus.

"Kita juga mengalakkan penternak untuk menanam dan mengusahakan sendiri bekalan makanan haiwan seperti rumput napier.

"Kementerian juga sedang berbincang dengan pelbagai agensi berkaitan untuk meningkatkan penanaman jagung yang juga boleh dijadikan sebagai makanan haiwan," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga akan melawat pengeluar isi rung kelapa sawit dalam masa terdekat untuk mendengar sendiri masalah yang dihadapi mereka sehingga menyebabkan harganya meningkat.

Pada 4 Mac lalu, Sinar Harian melaporkan golongan penternak memohon kerajaan mengawal harga makanan ruminan.

Rata-rata mereka berharap kerajaan dapat menyediakan pelan jangka pendek dan panjang bagi mengatasi kemelut itu antaranya dengan menetapkan harga siling atau meletakkan ia sebagai barang kawalan.

Headline	Ministry of Agriculture to meet with producers to ensure adequate supply of animal feed		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	10 Mar 2021	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	200 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,515
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,545



农业部将晤生产商 确保动物饲料供应足

(亚罗士打 9 日讯) 农业及食品工业部将与油棕籽作为原料的动物饲料生产商协商，以确保畜牧业者继续获得饲料供应。

该部第二副部长拿督仄阿都拉说，这是要解决动物饲料价格的不稳定和调涨现象。

“正如我们所知，动物饲料的其中一个原料就是油棕籽，这也我国的原产品，但生产商与外国商家已有合约。”

仄阿都拉昨日在吉打为“探索农业”活动开幕后向媒体说，这就是为何油棕籽多数都出口，而该部会尝试与生产商协商，以让一部分的

油棕籽可以供应本地市场。

他是针对有报道指国内畜牧业已针对动物饲料涨价问题，要求政府插手一事，这么指出。

仄阿都拉说，根据他向兽医服务局了解，动物饲料确实已涨价 3 至 5%。

他也将与其他单位进行协商，不只要油棕籽为原料的动物饲料生产商提高产量，也包括其他农作物如玉米。

“近日内，我会亲自与动物饲料生产商商讨，也会亲自拜访他们以了解情况。”

他也鼓励畜牧业者自行生产动物饲料，以减低动物饲料涨价的成本压力。

Headline	Ministry seeking solutions for livestock feed price increase		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	10 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	6	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,838
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,513



Ministry seeking solutions for livestock feed price increase

THE Ministry of Agriculture and Food Industries will hold discussions with oil palm kernel-based livestock feed producers to enable supplies to be channelled to livestock breeders in the country.

Its Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi (*picture*) said this is one of the approaches being taken to resolve the problem of rising price of livestock feed.



"As we are aware, one of the components of the livestock feed is oil palm kernel which is produced in this country, but the producers have signed contracts with its importers in other countries.

"Hence, much of the palm kernel has been exported. The ministry will try to discuss with the producers so that a portion of it will remain in our country for domestic use," he said at a news conference after visiting a chicken processing factory in Alor Setar, Kedah, yesterday.

The deputy minister was asked to comment on a news report on March 4 on concerns raised by livestock breeders over the rising livestock feed price, urging the government to intervene to control the situation.

Che Abdullah said based on data from the Veterinary Services Department, there has been an increase of between 3% and 5% in the price of livestock feed currently.

He said his ministry will discuss the matter with other relevant agencies in finding ways to increase production not only of palm kernel but also other crops like corn for livestock feed.

Meanwhile, he urged the breeders to take the initiative of producing livestock feed on their own like growing Napier grass to reduce costs. — *Bernama*

Usahawan Program Agropreneur Muda masih aktif, jana pendapatan lumayan



Ahmad (tiga dari kiri) menyampaikan siji kepada seorang penertima Kursus Agropreneur Muda Rancangan Perniagaan di Merlimau, Jasin pada Selasa.



Ahmad (duduk, tiga dari kanan) bersama sebahagian penerima geran selepas merasmikan Kursus Agropreneur Muda Rancangan Perniagaan dan menyampaikan replika cek kepada 26 Agropreneur Muda di Merlimau, Jasin.

MELAKA - Sebanyak 95 peratus daripada 6,908 jumlah penerima geran Agropreneur Muda di seluruh negara masih aktif sejak program diperkenalkan pada 2016 mampu menjana pendapatan lebih RM5,000 sebulan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, angka itu menjadi penanda aras bahawa program tersebut mendapat sambutan dan membantu golongan muda memperoleh pendapatan lumayan negara sektor tanaman biarpun negara berdepan cabaran Covid-19.

Menurutnya, kesemua 6,562 usaha-

wan muda itu masih menunjukkan peningkatan pendapatan konsisten lebih RM5,000 sebulan membabitkan empat sektor utama iaitu pertanian, perikanan, penternakan dan pemprosesan.

"Geran itu tidak terhad kepada tajaan semata-mata malah menggalakan mereka yang menceburi sektor industri makanan seperti pembuatan dan pemprosesan makanan mengambil peluang memohon geran yang akan diberikan dalam bentuk bantuan peralatan.

"Hanya lima peratus daripada peserta didapati tidak lagi aktif bertukaran pelbagai kekangan termasuk beralih

bidang dan yang masih menjalankan perniagaan mereka setelah mendapat geran itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Kursus Agropreneur Muda Rancangan Perniagaan dan menyampaikan replika cek kepada 26 Agropreneur Muda di Merlimau, Jasin pada Selasa.

Jelasnya, semua usahawan di bawah program itu akan diberi bimbingan mengikut bidang masing-masing dan tahap penguasaan dinilai menerusi program-program lawatan dijalankan sehingga peserta berjaya menjana pendapatan yang kukuh.

"Kita akan membuat lawatan dan pemantauan setakat mana sebenarnya usaha-usaha yang telah mereka jalankan, kalau bersesuaian dan bertepatan dengan syarat ditetapkan, kita tiada masalah untuk luluskan.

"Bahkan geran yang kita berikan berdasarkan keperluan untuk mereka meneruskan usaha sama ada diberikan barangan atau barang-barang pertanian seperti baja dan sebagainya," katanya. Ahli Parlimen Jasin tersebut turut menyuarakan golongan muda menceburi bidang tanaman cili yang sentiasa mendapat permintaan dan meraih pendapatan lumayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2021	HARIAN METRO	LOKAL	12

Dituduh jolok anjing dengan buluh

Butterworth: Seorang lelaki warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas pertuduhan menjolok se ekor anjing betina jalanan dengan sebatang buluh hingga menyebabkan kecederaan pada haiwan itu pada kejadian Oktober tahun lalu.

Tertuduh, Ng Ah Leak, 75, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Noor Aini Yusof.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa secara tidak munasabah menjolok seekor anjing betina dengan buluh sepanjang 2.4 meter hingga cedera pada bawah mata kiri yang menyebabkan kesakitan dan penderitaan terhadap haiwan terbabit.

Kesalahan itu didakwa dilakukan dalam longkang

belakang rumah Nombor 2, Jalan Tanjung Indah, Taman Tanjung Indah, Raja Uda dekat sini, jam 10.30 malam, pada 24 Oktober lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 29(1) akta sama.

Sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang Roziman Awang Tahrin manakala tertuduh diwakili peguam, Lim Jin Hong.

Hakim menetapkan 13 April ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Sementara itu, anjing yang menjadi mangsa kes terbabit berada dalam keadaan sihat.

**Hakim tetapkan
13 April ini tarikh
sebutan semula kes**

Senior citizen claims trial to poking dog with stick

BUTTERWORTH: A senior citizen was charged at the Sessions Court here yesterday with unreasonably causing pain and suffering to a dog last October. Ng Ah Leak, 75, claimed trial when the charge was read to him in Mandarin by the court interpreter before judge Noor Aini Yusof. Ng was charged with using a 2.4m-long bamboo stick to poke at a white female dog below its left eye inside a drain behind a house in Taman Tanjung Indah, Raja Uda here about 10.30pm on Oct 24 last year. He was charged under Section 29(1)(e) of the Animal Welfare Act 2015, punishable under Section 29(1) of the same act, which provides for a fine of between RM20,000 and RM100,000 or jail up to three years or both upon conviction. The dog was brought to court yesterday. According to its handler, the dog is doing well after being treated.



The victim:
This dog was brought to the court as evidence. —
CHAN BOON KAI/The Star

Old man charged with animal cruelty

BUTTERWORTH: A septuagenarian appeared calm in the Sessions Court as he was directed to answer to a charge of animal cruelty.

Ng Ah Leak, 75, walked towards the dock before the charge was read to him in Mandarin before judge Noor Aini Yusof here.

According to the charge sheet, Ng is alleged to have unreasonably poked a white female dog in the eye with an eight-foot bamboo stick,

injuring the dog, inflicting pain and suffering at about 10.30pm on Oct. 24 last year at a drain behind his house in Taman Tanjung Indah, Raja Uda in Seberang Prai.

He was charged under Section 29(1)(e) of the Animal Welfare Act 2015, which carries a fine of not less than RM20,000 or not more than RM100,000, a prison term of up to three years or both, upon conviction.

Ng pleaded not guilty to the charge.

He was represented by lawyer Lim Jin Hong, while state Veterinary Services Department enforcement head Roziman Awang Tahrin appeared as the prosecuting officer.

Noor Aini set April 13 for case mention pending submission of documents.

Earlier, the dog was brought to court as evidence.

Sasar tingkat pengeluaran nanas

Bagi menampung permintaan tinggi dalam pasaran tempatan dan eksport

Oleh NIK AMIRULMU' MIN NIK MIN

ROMPIN

Kerajaan menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran hasil nanas negara terutama jenis MD2 bagi menampung permintaan tinggi dalam pasaran tempatan dan eksport.

Pengerusi Lembaga Pembangunan Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, bagi mencapai matlamat itu, LPNM merancang untuk meningkatkan keluasan kawasan ladang nanas negara daripada 16,000 hektar ketika ini kepada 20,000 hektar dalam tempoh Rancangan Ma-

laysia Ke-12 (RMK12).

Setakat ini menurutnya, kawasan penanaman nanas MD2 hanya 15 peratus berbanding keluasan ladang nanas sedia ada dan menjangkakan jumlah itu akan ditingkatkan sekurang-kurangnya kepada 50 peratus pada masa akan datang.

"LPNM juga merancang untuk meluaskan penanaman nanas MD2 ke Sabah.

"Secara keseluruhannya, pengeluaran nanas negara sebanyak 400,000 metrik tan dengan nilai lebih RM500 juta setahun belum mampu untuk menampung permintaan pasaran ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke Ladang Nanas Bersepadu Rompin (RIPP) di Kampung Tanam, Kuala Rompin di sini pada Selasa.

Pada majlis itu, Dr Sahrudin turut menyampaikan Insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Pengusaha Nanas kepada pihak Rompin Integrated Pineapple Industries



Dr Sahrudin (tiga dari kanan) dibawa meninjau kawasan ladang nanas MD2 sempena lawatan kerja beliau ke RIPP, Kampung Tanam Kuala Rompin, Rompin pada Selasa.

Sdn Bhd (RIPI) yang diwakili Pengurus Besarinya, Mohd Hiswandi Aris.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh dan Pengurus Besar Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Mohd Mazlan Sharudin.

Dr Sahrudin berkata, LPNM amat mengalu-alukan agar lebih banyak pemain industri meneroka potensi tanaman nanas MD2 bagi membantu meningkatkan pengeluaran nanas negara.

Pacu ekonomi

Menurut Dr Sahrudin, RIPP mula dibangunkan bermula Oktober 2010 secara berperingkat dan ladang tersebut antara pemain industri nanas negara.

Malah katanya, hasil keluaran di kilang itu bukan hanya untuk pasaran tempatan malah bagi dieksport ke beberapa negara termasuk ke Timur Tengah, China dan Jepun.

"Secara keseluruhannya, RIPP mempunyai keluasan 575.24 hektar dan projek ini melibatkan tiga komponen utama iaitu syarikat induk, RIPI, Koperasi Orang Asli dan Usahawan Kontrak.

"Kompleks RIPP dan infrastruktur ladang dibangunkan di bawah ECERDC dengan kos RM50 juta manakala kos pelaburan swasta kira-kira



Dr Sahrudin (dua dari kiri) menerima Buku Manual Keselamatan Ladang Nanas yang disediakan pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP).

RM180 juta," jelasnya.

Tambah beliau, RIPP dibangunkan bagi mengurangkan jurang perbezaan ekonomi serta membantu meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat setempat terutama orang asli.

"Ia juga sebagai usaha meningkatkan pengeluaran nanas premium MD2 bagi keperluan eksport selain mewujudkan peluang keusahawanan melalui pemasaran yang efisien antara syarikat induk dan usahawan kontrak.

"Pada masa sama, ia juga sebagai platform untuk menarik pelaburan swasta dalam pengeluaran nanas berskala besar di negara ini," katanya.

Menurut Dr Sahrudin, seramai 5,000 pekebun, pengusaha dan pihak-pihak yang terlibat dalam industri nanas

negara akan menerima manfaat Insentif PRE Prihatin Pengusaha Nanas 2020-2021.

Pulangan yang baik

Sementara itu, Mohd Hiswandi berkata, syarikatnya merebut peluang untuk meningkatkan pengeluaran nanas MD2 bagi memenuhi permintaan terutama bagi pasaran eksport yang begitu tinggi.

Katanya, tanaman nanas mempunyai potensi yang cerah untuk menjadi buah utama seperti durian musang king yang mendapat permintaan tinggi.

"Dengan bantuan pihak kerajaan khususnya LPNM, nanas mampu pergi lebih jauh dan memberi pulangan amat baik kerana pengeluarannya sepanjang tahun dan tidak bermusim," ujar beliau.



Dr Sahrudin (empat dari kanan) melihat operasi kilang pembungkusan nanas milik RIPI.



Dr Sahrudin (tengah) meninjau operasi kilang pembungkusan nanas milik RIPI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

MARDI launches four food innovation products



SERDANG (March 9): The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) has introduced four food innovation products with health benefits, namely mixed soup with pegaga extract, high-protein jelly pudding premixed flour, high-fibre premixed bread flour and fermented coconut water.

"All these products, which have undergone about three years of research and development (R&D), are very much sought after because they contain basic nutrients like protein, fat, carbohydrates as well as disease-prevention properties," Ministry of Agriculture and Food Industries deputy secretary-general (Policy) Datuk Haslina Abd Hamid told a press conference after officiating the 2020 National Food Technology Seminar here today.

On the marketing methods for the products, she said there were four approaches that could be implemented, namely exclusive or non-exclusive licensing, direct selling, cooperation between MARDI and interested companies, as well as appointing companies as distributors.

Meanwhile, MARDI director-general Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor said the government body, which began stepping up R&D efforts related to food since the Ninth Malaysia Plan, is targeting 28 R&D for food innovation products in the next four years.

For the generator of the innovation to produce fermented coconut water, Mohd Izwan Mohd Lazim is confident the energy drink product could compete with other popular brands in the market and that talks were ongoing with several local companies.

As for the generator of the innovation to produce high-fibre tapioca bread premixed flour, Dr Aida Hamimi Ibrahim, meanwhile, said the product is especially for those with digestive problems, besides helping to diversify the use of tapioca.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

NAFAS mampu atasi masalah bekalan, harga benih padi



Foto daripada Facebook Che Abdullah Mat Nawi.

GEORGE TOWN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yakin, pelantikan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk bertanggungjawab sepenuhnya bagi menjadi pemborong tunggal membekal terus benih padi kepada pesawah di seluruh negara, dapat mengatasi masalah bekalan serta kenaikan harga benih padi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, mekanisme itu juga akan dapat menyelesaikan masalah manipulasi dan eksploitasi dalam pembekalan benih padi sah, yang timbul dalam kalangan pesawah sejak kebelakangan ini.

"Masalah berkaitan benih padi ini berterusan sejak dahulu lagi dan kami di MAFI sekarang ini dalam fasa terakhir menyelesaikannya, iaitu dengan melantik NAFAS untuk membekal benih padi terus kepada pesawah bermula musim penanaman padi bulan ini.

"Langkah tersebut sebenarnya bagi memastikan pesawah mendapat bekalan benih padi yang berkualiti serta menyelesaikan isu harga benih padi yang didakwa dimonopoli pihak tertentu. Sekarang ini terdapat 11 syarikat yang membekalkan padi kepada pesawah," katanya selepas lawatan kerja ke projek kebun bandar di Pejabat Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) di sini hari ini.

Sebelum ini, terdapat dakwaan daripada pesawah-pesawah mengenai masalah benih padi yang tidak berkualiti, serta dijual pada harga tinggi oleh pengeluar padi dan juga berlaku monopoli benih padi daripada pengeluar tertentu, menyebabkan harga benih padi tidak dapat dikawal.

Che Abdullah berkata, pihaknya yakin NAFAS akan mampu membekalkan benih padi yang berkualiti serta pada kadar yang ditetapkan oleh kerajaan, memandangkan ia mempunyai kecekapan rangkaian pengedaran menerusi 148 pertubuhan peladang kawasan (PPK) di Semenanjung.

"NAFAS tidak ada kepentingan, perniagaan mereka juga adalah entiti berkaitan dengan agensi kerajaan, jadi mereka akan dapat melaksanakan tugas (membekal padi) sebaiknya," katanya.

Sementara itu beliau berkata, permohonan bagi Projek Kebuniti di bawah Penjana Pertanian Bandar, telah mendapat sambutan yang menggalakkan di mana jumlah yang diterima sehingga sekarnaga ialah sebanyak 42,370 permohonan.

Katanya peruntukan Penjana sebanyak RM7.32 juta dibelanjakan bagi tahun lepas dan telah memberi manfaat kepada 13,524 orang dan 632 komuniti di seluruh negara.

"Bagi tahun ini kami memperuntukan sebanyak RM30 juta untuk projek kebun bandar yang boleh memberi manfaat kepada 27,524 individu dan 1,046 komuniti di seluruh negara.

"Matlamat projek itu adalah untuk menghasilkan tanaman untuk makanan sendiri serta hasil yang lebih daripada itu, boleh dijadikan peluang ekonomi," katanya. – **BERNAMA**

Agro Farah-i khusus untuk wanita

Catat jumlah nilai simpanan berjumlah lebih RM2.97 juta

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM

Agrobank melancarkan produk simpanan baharu, Agro Farah-i yang dikhususkan kepada semua golongan wanita berumur 18 tahun ke atas bersempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac.

Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang berkata, kenangan produk tersebut terletak

pada unsur hibah yang dikongsi untuk setiap akaun yang telah ditandakan kepada akaun Agro Farah-i, sama ada akaun suami atau anak.

“Ciri unik ini adalah untuk mendorong lebih ramai golongan wanita mempunyai simpanan yang banyak selain mereka juga turut diberikan ganjaran bersama.

“Dengan deposit minimum RM50 sahaja, ia turut membolehkan golongan wanita memulakan simpanan dengan jumlah yang kecil. Mereka juga mendapat lebih banyak ganjaran dengan pertambahan simpanan dari masa ke masa pada masa akan datang,” katanya.



MUSTAPHA

Beliau berkata demikian pada pelancaran Agro Farah-i yang dipancarkan secara maya di Facebook Live Agrobank pada Isnin.

Mustapha berkata, Agro Farah-i adalah sebahagian daripada komitmen berterusan Agrobank untuk menyokong pemerksaan wanita dan simbolik penghargaan terhadap golongan wanita di Malaysia.

“Kami percaya dengan mendorong golongan wanita untuk menggunakan kemahiran kewangan pintar melalui simpanan, ia dapat memberikan manfaat kepada mereka untuk membina kehidupan yang lebih

baik dalam jangka panjang. “Pengurusan simpanan merupakan salah satu ciri utama dalam pengurusan kewangan yang baik,” katanya.

Beliau berkata, Farah yang membawa maksud kebahagiaan dalam bahasa Arab dipilih sebagai nama produk ini untuk melambangkan wanita yang berkarsisma dan berwawasan, pintar menguruskan kewangan dan membawa kebahagiaan kepada diri sendiri, keluarga serta masyarakat.

“Agro Farah-i telah diperkenalkan pada bulan Julai 2020 dan sehingga 15 Februari 2021, sebanyak 1,870 pembukaan akaun telah dicatat dengan jumlah nilai simpanan berjumlah lebih RM2.97 juta.

“Ini adalah bukti sambutan

yang menggalakkan bagi produk simpanan ini walaupun ia belum dilancarkan secara rasmi,” katanya.

Beliau berkata, sejarah dengan mandat Agrobank untuk memperkasakan komuniti yang kurang mendapat liputan dan terpinggir, Agrobank terus komited untuk menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang memberi fokus kepada kumpulan yang terdiri daripada wanita, warga emas, orang ke-lainan upaya (OKU), belia dan lain-lain.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Agro Farah-i, sila lawari laman web Agrobank di www.agrobank.com.my atau hubungi pusat perkhidmatan pelanggan atau mengunjungi cawangan Agrobank.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	28

Nelayan asing cuba sogok polis Marin untuk lepaskan diri

MERSING - Nelayan asing, bukan sahaja berani menceroboh perairan negara, malah cuba menyogok pihak berkuasa dengan RM3,000 semata-mata untuk melepaskan diri.

Ketua Polis Daerah Mersing Su-perintendentan Cyrill Edward Nuing men-dedahkan situasi berkenaan dihadapi pasukan Polis Marin Mersing petang

Isnin ketika menahan sebuah bot de-ngan enam nelayan warga Vietnam disyaki menjalankan kegiatan menan-gkap hasil laut secara haram berhampir-an Pulau Rawa di sini.

Menurutnya, sepasukan polis marin diketuai Inspektor Rosli Md Saad se-dang melakukan rondaan di perairan itu lebih kurang 5.50 petang dan me-

ngesan sebuah bot asing tanpa nombor pendaftaran terbabit.

"Hasil pemeriksaan mendapati ke-semua mereka yang berumur lingkung-an 20 hingga 57 tahun itu gagal me-ngemukakan dokumen pengenalan diri.

"Seorang daripadanya menawarkan RM3,000 sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan atas kesalahan

yang dilakukan.

"Kesemua suspek ditahan dan di-serahkan kepada Suruhanjaya Pence-gahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Perikanan Mersing," katanya pada Selasa.

Turut dirampas peralatan menan-gkap hasil laut, 50 kilogram gamat serta wang tunai. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2021	KOSMO	NEGARA	18

Nelayan rayu luluskan lesen

PONTIAN – Kira-kira 30 nelayan di Pengkalan Nelayan Sungai Durian, Serkat di sini merayu kerajaan meluluskan lesen nelayan pantai supaya mereka mudah mencari rezeki.

Ketua Pengkalan Nelayan Sungai Durian, Norkhairul Nizam Razali berkata, daripada 70 nelayan di pengkalan itu, sebahagiannya masih tiada lesen tersebut, namun tetap turun ke laut bagi menyara kehidupan.

“Isu ini telah lama berlaku. Biarpun ada pemberian lesen, namun tidak menyeluruh kerana hanya beberapa orang yang dapat.

“Malah ada antara kami tidak mendapat sebarang bantuan termasuklah elaun sara hidup nelayan, minyak bersubsidi dan bantuan khas,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Seorang nelayan, Mohd. Ridzuan Hussin, 35, berkata, pendapatan nelayan ketika ini sudah tidak menentu, malah terpaksa pergi ke tengah laut untuk mencari rezeki.

Katanya, keadaan itu menyebabkan nelayan terpaksa menanggung kos minyak yang tinggi, namun hasil tangkapan kadangkala langsung tidak pulang modal.



MOHD. RIDZUAN menunjukkan hasil udang yang dijaring di Pengkalan Nelayan Sungai Durian, Serkat, Pontian baru-baru ini.

Nelayan Sungai Durian rayu lesen tangkap hasil laut

PONTIAN: Kira-kira 30 nelayan di Pangkalan Nelayan Sungai Durian, Serkat, di sini merayu kerajaan meluluskan lesen nelayan pantai bagi membolehkan mereka menjalankan kegiatan menangkap hasil laut tanpa berasa bimbang ditahan pihak berkuasa.

Ketua Pangkalan Nelayan Sungai Durian, Norkhairul Nizam Razali, 41, berkata, daripada 70 nelayan di situ, sebahagian mereka masih tidak mempunyai lesen namun terpaksa turun ke laut bagi menyara kehidupan keluarga.

Katanya, isu lesen nelayan pantai telah lama berlaku yang mana proses pemberian lesen sebelum ini tidak menyeluruh kerana hanya beberapa orang memperolehinya sementara nelayan lain terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama.

"Kami sangat terdedah dengan risiko ketika berada di laut tanpa lesen menangkap ikan yang sah, namun tiada pilihan malah tidak mendapat sebarang bantuan.

"Ini termasuk bantuan elauan sara hidup nelayan, minyak bersubsidi dan bantuan khas daripada



PANGKALAN Nelayan Sungai Durian yang menjadi lokasi 70 nelayan ke laut di Serkat, Pontian, Johor.
- UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

da kerajaan negeri," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Menurut Norkhairul Nizam, sama ada nelayan berlesen atau tidak, mereka kini terpaksa keluar dari kawasan perairan Tanjung Piai sehingga ke Pantai Penerok dan Pantai Rambah un-

tuk mencari rezeki.

"Kawasan di sini sudah kekurangan sumber sama ada untuk menjangkau udang atau merawai ikan disebabkan pelbagai aktiviti pembangunan yang dijalankan sejak akhir-akhir ini," jelasnya.

Sementara itu, komuniti nelayan juga bercadang meneroka industri huluhan dengan hasil perikanan sebagai pendapatan tambahan memandangkan masa depan mereka juga semakin tidak menentu.

Sehubungan itu, dia berharap

ada mana-mana pihak dapat membantu para nelayan yang sebahagiannya telah berusia bagi memperoleh sumber pendapatan baharu untuk keluarga masing-masing.

Sementara itu, bagi Mohd. Ridzuan Hussin, 35, pendapatan nelayan ketika ini sudah tidak menentu malah terpaksa keluar jauh kira-kira 30 kilometer dengan mengambil masa perjalanan 40 minit untuk ke lokasi tangkapan.

Katanya, keadaan itu menyebabkan nelayan terpaksa menanggung kos minyak yang agak lebih namun hasil tangkapan pula kerap kali tidak 'balik modal' dan sekadar cukup untuk belanja dapur.

"Rata-rata kami memperoleh pendapatan kurang daripada RM100 sehari malah ada yang mendapat RM50 sahaja, belum termasuk kos minyak dan sebagainya.

"Kebanyakan nelayan turun ke laut pada sebelah pagi bagi menjangkau udang sehingga tengah hari manakala merawai ikan biasanya keluar pada sebelah petang hingga tengah malam," katanya.